

PERSEDIAAN PESAKIT UNTUK PEMERIKSAAN HYSTEROSALPINGOGRAPHY (HSG)

**MAKLUMAT PESAKIT**

Nama :

Nombor Pendaftaran (RN) :

Nama Pemeriksaan :

LMP :

Tarikh & Masa Pemeriksaan :

*Tulis semasa dapat tarikh temujanji nanti*

**PERSEDIAAN SEBELUM PEMERIKSAAN :**

1. Anda dikehendaki **menghubungi Kaunter Temujanji Jabatan Radiologi pada hari pertama haid bermula.** Tarikh temujanji biasanya akan diberikan di antara hari ke 4 sehingga hari ke 10 (apabila darah haid telah kering) hari dari tarikh haid bermula (Rujuk LMP).
2. Perlu berpuasa 6 jam sebelum pemeriksaan. Boleh minum tetapi tidak lebih dari 100ml air kosong. Makan ubat-ubatan seperti biasa (jika ada) kecuali ubat kencing manis dimakan selepas selesai pemeriksaan
3. Jika perlu ambil **Tab Prednisolone 50mg (Ubat steroid untuk alahan/asma)**, makan ubat pada :
  - a. **Pukul 7 petang** sehari sebelum pemeriksaan (10 biji)
  - b. **Antara pukul 10 - 12 tengah malam atau sebelum tidur**, sehari sebelum pemeriksaan (10 biji)
  - c. **Pukul 7 pagi** pada hari pemeriksaan (10 biji)
4. **Elak dari melakukan hubungan kelamin/seks** untuk 10 hari bermula dari hari pertama haid sehingga selesai pemeriksaan HSG. Sekiranya arahan tidak dipatuhi, pemeriksaan mungkin akan **DIBATALKAN** dan temujanji baru akan diberikan pada kitaran haid berikutnya.
5. Ujian kehamilan (UPT) perlu dilakukan jika anda mempunyai kitaran haid yang tidak teratur.
6. Kosongkan pundi kencing sejurus sebelum pemeriksaan dijalankan.

**PENJAGAAN SELEPAS PEMERIKSAAN :**

1. Sedikit pendarahan pada vagina dan juga pengaliran keluar kontras yang disuntik semasa prosedur selama 1-5 hari mungkin berlaku selepas pemeriksaan ini. **Jika pendarahan banyak atau sakit yang berterusan**, sila berjumpa dengan doktor dengan segera.

**PERHATIAN**

1. Hubungi kami jika tidak dapat hadir atau untuk sebarang pertanyaan.
2. Maklumkan sekiranya anda mengandung atau disyaki mengandung.
3. Sila hadir 15 minit lebih awal pada tarikh dan masa temujanji.
4. Borang pemeriksaan radiologi perlu di ambil dan buat bayaran di Kaunter Seksyen Hasil sebelum datang ke Kaunter Pendaftaran Radiologi.
5. Pesakit dinasihatkan tidak memakai barang kemas pada hari temujanji pemeriksaan.
6. Jangkamasa pemeriksaan bergantung kepada keadaan pesakit dan penyakit.
7. Pemeriksaan ini berkemungkinan dibatalkan jika perkara-perkara di atas tidak dipatuhi.

8. Temujanji dan penerangan telah diberikan oleh :

Nama Staf :

Tarikh :